

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16 / 8 / 2008

BN masih mantap – Dr. Mahathir

UM - 16/8/2008

KUALA LUMPUR 15 Ogos – Barisan Nasional (BN) masih lagi merupakan parti yang utuh dalam membuat keputusan untuk kepentingan bersama parti-parti komponennya, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

“Inilah kekuatan sebenar yang ada pada BN tetapi tidak ada pada parti-parti dalam pakatan pembangkang,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Galeri Dunia Seni Lukis, di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas pendapat Dewan Ulama Pas semalam bahawa presiden parti itu, Datuk Seri Abdul Hadi

Awang lebih layak menjadi Perdana Menteri jika pakatan pembangkang berjaya memerintah negara ini selepas 16 September ini.

Ketuanya, Datuk Mohamed Daud Iraqi berkata, sebagai ulama Pas, sudah tentu pihaknya menyokong Abdul Hadi sebagai Perdana Menteri berbanding Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, BN mempunyai majlis mesyuarat tertinggi yang sepakat untuk membuat keputusan secara bersama.

Sebaliknya kata beliau, pakatan pembangkang diwujudkan

hanya untuk mengambil kesempatan dan bukan sebuah parti yang benar-benar tersusun.

“Justeru, Dewan Ulama Pas berhak untuk mengatakan Abdul Hadi layak untuk menjadi Perdana Menteri.

“Mereka pilih Abdul Hadi kerana beliau adalah Presiden Pas dan Pas bukan masuk pakatan pembangkang untuk duduk di bawah orang lain terutama PKR,” jelas beliau.

Dr. Mahathir menambah, Pas sedar PKR bukan sebuah parti yang besar dan kuat.

Kata beliau, kemenangan PKR pada Pilihan Raya Umum ke-12 yang lalu, bukan kerana parti itu hebat, sebaliknya eko-

ran kegagalan calon-calon daripada UMNO yang bertanding.

Yang jelas, tambah beliau, calon-calon PKR yang menang bukanlah dalam kalangan orang yang boleh dianggap berkaliber untuk menjadi pemimpin.

Sementara itu, beliau berkata, pemilihan Datuk Arif Shah Omar Shah sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh pada 26 Ogos ini, boleh memberi kelebihan kepada BN.

Beliau berkata, kebolehan Arif Shah bercakap dan menulis dalam bahasa Mandarin sedikit sebanyak dapat memberikan kelebihan kepadanya untuk meraih undi daripada masyarakat itu.